

**WACANA ISU-ISU KONTROVERSI BERKAITAN  
ISLAM: SATU ANALISIS AKHBAR-AKHBAR  
TERPILIH DI MALAYSIA**

**MUHAMMAD RAQIB BIN MOHD SOFIAN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2021**

**WACANA ISU-ISU KONTROVERSI BERKAITAN  
ISLAM: SATU ANALISIS AKHBAR-AKHBAR  
TERPILIH DI MALAYSIA**

oleh

**MUHAMMAD RAQIB BIN MOHD SOFIAN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2021**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmaanirrahim..

Alhamdulillah, syukur atas segala nikmat dari Allah serta selawat dan salam ke atas Nabi junjungan, Nabi Muhammad SAW..

Pertama sekali, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada ibu bapa saya, Tuan Haji Mohd Sofian Bin Mohd Ghazali dan Hajjah Noraziah Bt Abdul Aziz yang banyak berkorban wang, sentiasa mengambil berat, berdoa serta memberi sokongan dan galakan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Buat isteriku tercinta, Nur Fahana Bt Abdul Halim, terima kasih kerana sentiasa bersama ketika susah dan senang sambil abang menyiapkan tesis ini. Buat adik beradik saya, Ayun, Kak Ngah, Hakim, terima kasih untuk sokongan yang tidak putus-putus. Tidak lupa juga kepada ibu bapa mentua dan keluarga di Pahang, khusus kepada Ummy, Norhasimah Bt Ismail dan Ayah, Abd Halim Bin Sudin, terima kasih banyak-banyak.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya yang juga seperti ibu kandung saya sendiri, Prof Madya Dr Hajjah Azman Azwan Azmawati yang banyak membimbing saya dalam menyiapkan tesis ini. Segala jasa baik Dr akan saya ingati dan hargai hingga ke akhir hayat. Terima kasih kerana bertahan bersama-sama saya dan sudi menjadi pembimbing selama hampir tujuh tahun ini dan begitu banyak pengalaman indah dan kadang kala liku-liku yang telah kita lalui bersama. Apa yang telah kita lalui selama ini, moga ada manfaat buat semua, insha Allah.

Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada Dekan, Pusat Pengajian Komunikasi USM, Dr. Nurzali Ismail, staf-staf pentadbiran dan staf-staf akademik lain yang banyak memberi kata-kata nasihat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Staf-staf sokongan terutamanya Kak Ina dan lain-lain yang sering melayan saya seperti adik mereka, amat saya hargai dan ingati sepanjang hidup saya.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, Dr. Ponco, Dr. Kiko, Dr. Eli Jamilah, Dr. Anna Agustina, Dr. Jamsari, Dr. Sharafa, Dr. Hana Mijan, Dr. Isiaka, Dr. Poh Ling, Dr. Marshina, Dr. Suriati, Dr. Nor, Dr. See Kee, Dr. Yeni Rosilawati, Candy, Dr. Intan, Ibu Santi, Anti, Ibu Diah, Ibu Wulan, Haja Mydin, Dr. Karmilah Abdullah, Dr. Amer Qasem, Dr. Hafifi Jamri, Dr. Isiaka, Dr. Dayana, Dr. Miew Luan dan lain-lain yang tidak sempat saya sebut di sini, terima kasih atas semua kenangan indah kita bersama. Juga, Prof. Noraida Endut, Prof. Dato' Adnan Hussein, Datin Kamaliah Siarap, Dr. Mahyuddin, Dr. Adrian dan Dr. Ming, terima kasih kerana selalu ada bersama saya apabila saya memerlukan nasihat dan pertolongan.

Akhir sekali, ribuan terima kasih khas kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Mybrain MyPhD yang telah menaja pengajian saya selama tiga tahun. Terima kasih semua!

## ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>ix</b>
<b>SINGKATAN PERKATAAN .....</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 Latar belakang kajian .....	1
1.1.1 Sejarah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, Rusuhan 13 Mei, 1969 dan Dasar Ekonomi Baru .....	10
1.1.2 Islamisasi di Malaysia .....	15
1.1.3 Malaysia negara Islam.....	20
1.1.4 Islam Hadhari .....	23
1.1.5 Perkembangan terkini Islamisasi pasca pemerintahan Abdullah Badawi .....	26
1.2 Permasalahan kajian .....	31
1.3 Objektif kajian.....	36
1.4 Persoalan kajian .....	36
1.5 Kepentingan kajian.....	37
1.6 Skop kajian .....	39
1.7 Organisasi tesis .....	40
1.8 Kesimpulan .....	41

<b>BAB 2</b>	<b>KERANGKA TEORI DAN SOROTAN KAJIAN LEPAS .....</b>	<b>43</b>
2.1	Pengenalan: Pendekatan Marxisme .....	43
2.2	Ekonomi politik.....	44
2.3	Gramsci, ideologi dan hegemoni .....	46
2.4	Ekonomi politik komunikasi.....	59
2.5	Perkaitan antara teori-teori yang dibincangkan dengan kajian ini.....	62
2.6	Kajian-kajian lepas mengenai representasi media dan Islam .....	65
2.6.1	Representasi Islam dalam media di Malaysia .....	65
2.6.2	Kajian-kajian lepas mengenai representasi Islam di media antarabangsa.....	75
2.7	Kesimpulan .....	93
<b>BAB 3</b>	<b>MEDIA DAN DEMOKRASI DI MALAYSIA.....</b>	<b>94</b>
3.1	Pengenalan .....	94
3.2	Media dan demokrasi .....	94
3.2.1	Media dan demokrasi di Malaysia .....	97
3.3	Kawalan undang-undang media di Malaysia.....	101
3.3.1	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984).....	102
3.3.2	Akta Keselamatan Dalam Negeri (1960) (dimansuhkan pada Mac 2012) .....	105
3.3.3	Akta Rahsia Rasmi (1972) .....	106
3.3.4	Akta Hasutan (1948) .....	108
3.3.5	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (2012) (SOSMA).....	111
3.4	Kawalan melalui pemilikan media di Malaysia .....	113
3.5	Internet sebagai media alternatif .....	119
3.6	Kesimpulan .....	128

<b>BAB 4</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>129</b>
4.1	Pengenalan .....	129
4.2	Data dan tempoh kajian .....	131
4.3	Analisis kandungan kuantitatif .....	141
4.4	Definisi operasionalisasi dan pengkategorian.....	142
4.4.1	Jumlah berita (kekerapan artikel) .....	142
4.4.2	Jenis artikel berita .....	142
4.4.3	Sumber berita.....	144
4.4.4	Kecenderungan artikel berita.....	159
4.5	Analisis wacana kritis.....	160
4.5.1	Leksikon .....	161
4.5.2	Tema.....	162
4.5.3	Makna tersirat yang tidak dinyatakan dengan jelas .....	162
4.6	Temu bual mendalam .....	163
4.7	Kesimpulan .....	165
<b>BAB 5</b>	<b>DAPATAN KAJIAN.....</b>	<b>166</b>
5.1	Pengenalan .....	166
5.2	Dapatan kajian kuantitatif.....	167
5.2.1	Isu penganjuran Seksualiti Merdeka 2011 .....	167
5.2.1(a)	Jumlah berita.....	167
5.2.1(b)	Jenis berita.....	167
5.2.1(c)	Sumber berita.....	169
5.2.1(d)	Kecenderungan artikel berita.....	178
5.2.2	Isu perebutan penggunaan kalimah Allah .....	182
5.2.2(a)	Jumlah berita.....	182
5.2.2(b)	Jenis berita.....	183

	5.2.2(c) Sumber berita.....	184
	5.2.2(d) Kecenderungan artikel berita.....	192
5.2.3	Isu pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 negeri Kelantan atau hudud .....	196
	5.2.3(a) Jumlah berita.....	196
	5.2.3(b) Jenis berita.....	197
	5.2.3(c) Sumber berita.....	198
	5.2.3(d) Kecenderungan artikel berita .....	207
5.2.4	Isu penganjuran program festival meminum arak, BBF dan “Oktoberfest” 2017 .....	211
	5.2.4(a) Jumlah berita.....	211
	5.2.4(b) Jenis berita.....	211
	5.2.4(c) Sumber berita.....	213
	5.2.4(d) Kecenderungan artikel berita.....	222
5.3	Dapatan kajian analisis wacana kritis.....	226
5.3.1	Isu penganjuran program Seksualiti Merdeka 2011 .....	226
	5.3.1(a) <i>The Star</i> .....	226
	5.3.1(b) <i>Utusan Malaysia</i> .....	233
	5.3.1(c) <i>Malaysiakini</i> .....	239
5.3.2	Isu perebutan penggunaan kalimah Allah .....	247
	5.3.2(a) <i>The Star</i> .....	247
	5.3.2(b) <i>Utusan Malaysia</i> .....	254
	5.3.2(c) <i>Malaysiakini</i> .....	260
5.3.3	Isu pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 negeri Kelantan atau hudud .....	265
	5.3.3(a) <i>The Star</i> .....	265

5.3.3(b)	<i>Utusan Malaysia</i> .....	272
5.3.3(c)	<i>Malaysiakini</i> .....	280
5.3.4	Isu penganjuran program festival meminum arak, BBF dan “Oktoberfest” 2017 .....	286
5.3.4(a)	<i>The Star</i> .....	286
5.3.4(b)	<i>Utusan Malaysia</i> .....	292
5.3.4(c)	<i>Malaysiakini</i> .....	298
5.4	Dapatan kajian temu bual mendalam .....	305
5.4.1	<i>The Star</i> .....	306
5.4.1(a)	Peranan wartawan dan editor serta pendirian akhbar dalam menyiarkan berita kontroversi berkaitan Islam ....	306
5.4.1(b)	Faktor-faktor yang mempengaruhi pemberitaan mengenai isu-isu kontroversi berkaitan Islam .....	307
5.4.1(c)	Sumber berita yang digunakan dan kecenderungan pemberitaan mengenai isu-isu kontroversi berkaitan Islam.....	309
5.4.2	<i>Utusan Malaysia</i> .....	311
5.4.2(a)	Peranan wartawan dan editor serta pendirian akhbar dalam menyiarkan berita kontroversi berkaitan Islam ....	311
5.4.2(b)	Faktor-faktor yang mempengaruhi pemberitaan mengenai isu-isu kontroversi berkaitan Islam .....	312
5.4.2(c)	Sumber berita yang digunakan dan kecenderungan pemberitaan mengenai isu-isu kontroversi berkaitan Islam .....	313
5.4.3	<i>Malaysiakini</i> .....	317
5.4.3(a)	Peranan wartawan dan editor serta pendirian akhbar dalam menyiarkan berita kontroversi berkaitan Islam ...	317
5.4.3(b)	Faktor-faktor yang mempengaruhi pemberitaan mengenai isu-isu kontroversi berkaitan Islam .....	318



5.4.3(c) Sumber berita yang digunakan dan kecenderungan pemberitaan mengenai isu-isu kontroversi berkaitan Islam .....	320
5.5 Kesimpulan .....	324
<b>BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN..</b>	<b>327</b>
6.1 Pengenalan .....	327
6.2 Perbincangan.....	327
6.2.1 Penemuan utama kajian.....	328
6.2.1(a) Jumlah berita dan jenis berita .....	328
6.2.1(b) Sumber berita, kecenderungan berita, wacana berita dan faktor-faktor mempengaruhi wacana akhbar .....	332
6.2.2 Agama Islam sebagai ideologi negara bagi mengekalkan hegemoni kerajaan pemerintah.....	349
6.2.3 Parti Barisan Nasional terutamanya UMNO bertindak sebagai intelektual yang menjadikan Islam sebagai ideologi negara .....	355
6.2.4 <i>Malaysiakini</i> sebagai medium wacana hegemoni kontra.....	358
6.3 Batasan kajian .....	360
6.4 Cadangan kajian .....	361
6.5 Kesimpulan .....	362
<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>364</b>
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

### Muka surat

Jadual 5.1	Jumlah artikel kajian, isu Seksualiti Merdeka 2011 .....	167
Jadual 5.2	Jenis berita, isu Seksualiti Merdeka 2011.....	168
Jadual 5.3	Sumber berita, isu Seksualiti Merdeka 2011.....	170
Jadual 5.4	Kecenderungan artikel berita, isu Seksualiti Merdeka 2011.....	179
Jadual 5.5	Jumlah artikel berita, isu perebutan kalimah Allah .....	182
Jadual 5.6	Jenis berita, isu perebutan kalimah Allah .....	183
Jadual 5.7	Sumber berita, isu perebutan kalimah Allah .....	185
Jadual 5.8	Kecenderungan artikel berita, isu perebutan kalimah Allah .....	193
Jadual 5.9	Jumlah artikel berita, isu hudud .....	196
Jadual 5.10	Jenis berita, isu hudud.....	197
Jadual 5.11	Sumber berita, isu hudud .....	199
Jadual 5.12	Kecenderungan artikel berita, isu hudud .....	207
Jadual 5.13	Jumlah berita, isu penganjuran BBF dan Oktoberfest 2017.....	211
Jadual 5.14	Jenis berita, isu penganjuran BBF dan Oktoberfest 2017.....	212
Jadual 5.15	Sumber berita, isu penganjuran BBF dan Oktoberfest 2017 .....	214
Jadual 5.16	Kecenderungan artikel berita, isu penganjuran BBF dan Oktoberfest 2017 .....	223

## SINGKATAN PERKATAAN

Abim	Angkatan Belia Islam Malaysia
ACCIN	The Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs
Aswaja	Pertubuhan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia
BERNAMA	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
Bersatu	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
BN	Barisan Nasional
Cenbet	Center for a better tomorrow
DAP	Democratic Action Party
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DUN	Dewan Undangan Negeri
G25	Kumpulan bekas penjawat awam kanan
Gerakan	Malaysian People's Movement Party
GPS	Gabungan Parti Sarawak
Hindraf	Hindu Rights Action Force
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ISA	Ideological State Apparatus
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Persekutuan
LGBT	Lesbian, gay, bisexual dan transgender
MCA	Malayan Chinese Association
MCCBCHST	Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao
MIC	Malayan Indian Congress
MMC	Majlis Media Malaysia

NGO	Non-governmental organizations
PAN	Parti Amanah Negara
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak berkuasa tempat
PDRM	Polis Diraja Malaysia
Pembina	Pertubuhan Pembela-pembela Islam
Perkasa	Parti Bumiputera Perkasa Malaysia
PKPIM	Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PLO	Perak Liberation Organization
PRU	Pilihan raya umum
RSA	Repressive State Apparatus
RUU	Rang Undang-Undang
SIS	Sisters in Islam
SOSMA	Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (2012)
UMNO	United Malays National Organisation
WAO	Women's Aid Organisation
Warisan	Parti Warisan Sabah
Yadim	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN A	BORANG KODING ANALISIS KUANTITATIF
LAMPIRAN B	BORANG KODING ANALISIS WACANA KRITIS
LAMPIRAN C	SOALAN TEMU BUAL BERSAMA EDITOR ESEKUTIF/ PENOLONG KETUA EDITOR

# WACANA ISU-ISU KONTROVERSI BERKAITAN ISLAM: SATU ANALISIS AKHBAR-AKHBAR TERPILIH DI MALAYSIA

## ABSTRAK

Akhbar tidak beroperasi dalam kekosongan dan ia dilihat sebagai satu medium untuk menstrukturkan proses pengeluaran makna dalam masyarakat. Akhbar terutamanya yang dimiliki oleh pihak pemerintah mempunyai ideologi tertentu untuk disampaikan kepada khalayak secara halus untuk mengekalkan order yang sedia ada. Khusus di Malaysia, agama Islam turut dijadikan alat hegemoni oleh pihak pemerintah untuk terus menguasai golongan bawahan dengan menjadikan agama sebagai modal politik untuk mendapatkan kuasa dan mengekalkan status quo. Hal ini menyebabkan isu-isu kontroversi melibatkan agama Islam sering kali diwacanakan dalam akhbar mengikut kepentingan mereka yang memiliki sesuatu organisasi akhbar itu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti corak pelaporan, wacana akhbar dan faktor-faktor yang mempengaruhi penghasilan dan pelaporan mengenai isu-isu kontroversi melibatkan agama Islam di akhbar arus perdana dan alternatif di Malaysia. Isu-isu kontroversi berkaitan Islam yang dipilih untuk dikaji dalam kajian ini adalah (a) isu penganjuran program Seksualiti Merdeka 2011, (b) isu perebutan penggunaan kalimah Allah 2013, (c) isu pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 negeri Kelantan atau hudud 2015 dan (d) isu penganjuran festival arak “BBF” dan Oktoberfest 2017. Empat isu ini dipilih sebagai kajian kes kerana isu-isu ini telah menimbulkan perdebatan yang meluas antara masyarakat dan mendapat perhatian oleh media akhbar di Malaysia. Tiga akhbar telah dipilih untuk dikaji iaitu akhbar *The Star*, *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini*. Ketiga-tiga akhbar

ini dipilih untuk dikaji kerana ketiga-tiganya mempunyai kumpulan sasaran, ideologi dan pemilikan yang berlainan antara satu sama lain. Akhbar *Utusan Malaysia* mensasarkan pembacanya yang terdiri daripada kaum Melayu manakala akhbar *The Star* dan *Malaysiakini* mensasarkan kumpulan pembaca yang terdiri daripada berbilang kaum dan kumpulan pertengahan. Kaedah analisis kandungan kuantitatif, analisis wacana kritis dan temu bual mendalam telah digunakan dalam kajian ini. Analisis kandungan kuantitatif digunakan untuk mengkaji corak liputan akhbar, analisis wacana kritis digunakan untuk memahami secara dengan lebih mendalam mengenai sesuatu isu dan memahami aksi sosial dalam konteks yang tertentu dan temu bual mendalam digunakan untuk mengetahui sejauh mana berita-berita kontroversi mengenai Islam ini dibentuk dan distruktur oleh akhbar- akhbar yang dikaji. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan akhbar *Utusan Malaysia* dan *The Star* dilihat cuba mempertahankan status quo dalam melaporkan mengenai isu-isu kontroversi melibatkan agama Islam. Manakala akhbar *Malaysiakini* dilihat lebih berani dan secara terang-terangan mengkritik dan mempersoalkan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa dan berani untuk mempersoalkan mengenai Islamisasi yang berlaku dan ketuanan Melayu.

# **DISCOURSES ON CONTROVERSIAL ISSUES REGARDING ISLAM: AN ANALYSIS OF SELECTED MALAYSIAN NEWSPAPERS**

## **ABSTRACT**

Newspapers do not operate in vacuum and it is seen as a medium for structuring the production of meaning in society. Newspapers especially those owned by the government have certain ideologies to convey to the general public in order to maintain a specific existing social order. Particularly in Malaysia, Islam is used as a hegemonic tool by the government to continue dominating the mind-set of the lower class by using religion as a political weapon to gain power and maintaining the status quo. This causes the controversial issues pertaining to Islam to be frequently discussed in the news media in tandem with the vested interest of those owning the newspapers. Thus, this study aims to identify reporting patterns, newspaper discourses and factors that influence the production and reporting on controversial issues involving Islam in the mainstream and alternative press in Malaysia. Controversial issues involving Islam that are chosen in this study are (a) the issue of organizing a program known as Seksualiti Merdeka in 2011, (b) the issue on the use of the word “Allah” in 2013, (c) the issue of the amendment of Syariah Criminal Code Enactment II 1993 in Kelantan or known as hudud in 2015 and (d) the issue of organizing an alcohol festival known as “Better Beer Festival” and Oktoberfest in 2017. These four issues are chosen as case studies because these issues sparked widespread debates among members of society and received extensive media coverage in Malaysia. Three newspapers are chosen in this study namely *The Star*, *Utusan Malaysia* and *Malaysiakini*. These newspapers are being selected because of



the different target audience, ideologies and ownership. *The Star* and *Malaysiakini* target readers from multiracial and middle class communities while *Utusan Malaysia*'s readers are usually the Malays. There are three main methods done to understand the extent of controversial news about Islam portrayed in the mainstream media - quantitative content analysis, critical discourse analysis and in-depth interview. Quantitative content analysis is used to study newspaper coverage pattern, critical discourse analysis is used to gain better understanding about an issue and understand social actions in certain context and in-depth interview is used to understand the extent to which the controversial news about Islam is formed and structured by the newspapers. Overall, the study findings show that *Utusan Malaysia* and *The Star* are seen to take the safer approach of maintaining status quo in reporting controversial issues involving Islam. *Malaysiakini* on the other hand, is seen to be bolder and openly criticizes and questions the actions taken by the authorities and dares to question about Islamization and Malay supremacy.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN**

#### **1.1 Latar belakang kajian**

Selepas Pilihan Raya ke-12 pada tahun 2008 yang pada ketika itu parti pemerintah Barisan Nasional (BN) telah kehilangan majoriti 2/3, negara Malaysia sering kali berhadapan dengan pelbagai isu kontroversi yang melibatkan ketegangan antara etnik dan agama terutamanya berkaitan agama Islam (Yang & Md Sidin, 2011; Yang & Md Sidin, 2012; Hasrina, Wan Norshira & Ramli, 2013; Yang & Md Sidin, 2016). Hal ini menyebabkan isu-isu berkaitan Islam sering dilaporkan dan dibincangkan di akhbar arus perdana dan alternatif di Malaysia. Bukan sahaja di Malaysia, agama Islam turut menjadi topik utama dalam hal-hal yang melibatkan konflik di media global apabila melibatkan isu-isu peperangan di negara-negara Arab, keganasan dan ekstrimisme. Hal ini menyebabkan Islam sering kali dikaitkan dengan persepsi dan stereotaip yang salah oleh masyarakat awam (Said, 1997; Bahtiar, Hassan & Mohamad, 2004; Akbarzadeh & Smith, 2005; Mohd Azhar, Rosman, Muhammed Fauzi & Mohd Koharuddin, 2013:13; Ahmad Murad Merican, 2017a).

Akhbar tidak beroperasi dalam kekosongan dan ia dilihat sebagai satu medium untuk menstrukturkan proses pengeluaran makna dalam masyarakat (Hall, 1997). Akhbar terutamanya yang dimiliki oleh pihak pemerintah mempunyai ideologi tertentu untuk disampaikan kepada khalayak secara halus untuk mengekalkan order yang sedia ada (Juliana & Mahyuddin, 2009). Khusus di Malaysia, agama Islam turut dijadikan sebagai alat oleh pihak pemerintah untuk terus menguasai golongan bawahan dengan menjadikan agama sebagai modal politik untuk mendapatkan kuasa

dan mengekalkan status quo. Hal ini menyebabkan isu-isu kontroversi berkaitan Islam sering kali diwacanakan dalam akhbar mengikut kepentingan mereka yang memiliki/mengawal sesuatu organisasi akhbar itu. Wacana mengenai isu-isu kontroversi melibatkan Islam ini turut menjadi lebih terbuka dan kritikal selepas munculnya portal berita di atas talian yang sekaligus membolehkan berlakunya wacana yang berbentuk hegemoni kontra (*counter hegemony*) menerusi perbincangan yang semakin meluas dalam kalangan masyarakat di medium tersebut (Noor Sulastry & Nor Azila, 2013).

Selain faktor pemilikan akhbar dan kawalan undang-undang oleh pihak kerajaan, pelaporan mengenai isu-isu kontroversi berkaitan Islam turut dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah pecahan demografi rakyat Malaysia, sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan, senario politik yang berlaku di Malaysia, perbincangan mengenai hak-hak golongan minoriti dan polisi yang diambil oleh pihak pemerintah negara ini. Oleh itu, amat penting untuk dibincangkan mengenai faktor-faktor ini dalam memahami konteks kajian ini.

Secara umumnya, Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat pelbagai etnik, anutan agama dan kepercayaan, bahasa pertuturan serta amalan adat yang berbeza. Menurut perincian terbaru oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah keseluruhan penduduk Malaysia adalah 32.63 juta penduduk dan secara peratusnya dibahagikan kepada 69.3 % Bumiputera (kaum Melayu, etnik Orang Asli di Sabah dan Sarawak), Cina 22.8 %, India 6.9 % dan lain-lain 1 %. Islam adalah agama paling ramai dianuti di Malaysia dengan 61.3%, diikuti agama Buddha (19.8%), Kristian (9.2%) dan Hindu (6.3%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019; Ridauddin, 2020).

Malaysia juga adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi secara berparlimen dengan berpandukan kepada konsep Raja berperlembagaan (Ng & Lee, 2018). Dari segi wacana politik, Malaysia secara amnya sebelum pilihan raya 2018 yang lalu, telah dikuasai oleh parti-parti yang berteraskan kepada etnik seperti *United Malays National Organization* (UMNO) mewakili etnik terbesar iaitu masyarakat Melayu, *Malaysian Chinese Association* (MCA) mewakili masyarakat Cina dan *Malaysian Indian Congress* (MIC) mewakili masyarakat India yang berfungsi untuk memperjuangkan kepentingan etnik masing-masing (Ng & Lee, 2018). Ketiga-tiga parti ini seterusnya membentuk parti BN yang turut dianggotai oleh 13 komponen parti lain termasuk di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Malaysia sebelum ini telah diperintah oleh BN yang diterajui oleh UMNO selama hampir 61 tahun namun telah bertukar kerajaan kepada gabungan parti Pakatan Harapan pada Pilihan Raya ke-14 terdahulu yang terdiri daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Parti Warisan Sabah (Warisan), Parti Amanah Negara (Amanah), Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan *Democratic Action Party* (DAP). Selain parti-parti politik yang disebut, Parti Se-Islam Malaysia (PAS) juga adalah sebuah parti yang dominan dalam kalangan orang Melayu yang memperjuangkan Islam dan Melayu sebagai teras ideologi perjuangan parti mereka.

Namun, perkembangan terbaru di Malaysia menyaksikan Malaysia telah mempunyai kerajaan terbaru yang dikenali sebagai Perikatan Nasional yang dibentuk berdasarkan gabungan dari parti Bersatu, UMNO, PAS, Warisan dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri kelapan (Najib sahkan tandatangan SD sokong gabungan baharu, 2020; Rafidah, 2020). Kerajaan terbaru ini terbentuk selepas krisis yang

berlaku dalam Pakatan Harapan apabila parti Bersatu mengambil keputusan untuk keluar dari gabungan Pakatan Harapan tersebut.

Agama Islam adalah agama rasmi di Malaysia namun agama-agama lain masih boleh diamalkan (Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan; Mohd Roslan, 2011; Mohd Arip, Abur Hamdi, Mohamad Taha, Ahmad Rafizi & Jamsari, 2015). Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara telah memperuntukkan Islam adalah agama rasmi bagi negara ini tanpa menafikan hak bagi agama-agama lain (Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan). Ini disebut dalam Perkara 3 (1):

*“Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.”*

Menurut Perlembagaan Malaysia, pada asasnya perlembagaan membenarkan setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing (Walters, 2007). Sesuatu yang unik mengenai negara Malaysia adalah agama dan kaum masyarakatnya sangat berkait rapat antara satu sama lain. Sebagai contoh, istilah Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan, Fasal 160 menyebut:

*“Melayu ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat melayu dan (a) lahir, sebelum hari merdeka, di persekutuan atau di Singapura, atau ibu bapanya telah lahir di persekutuan atau di Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau (b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut..*

Berdasarkan Fasal 160 tersebut, boleh disimpulkan bahawa kebiasaannya agama Islam sangat berkait rapat dengan adat dan budaya orang Melayu dan Fasal ini adalah semata-mata untuk memberi pengiktirafan undang-undang kepada kedudukan yang wujud sebelum ini iaitu untuk menyamakan Melayu dengan Islam (Ammar, 2011). Dalam pada itu, kaum Cina kebanyakannya beragama Buddha, kaum India

kebanyakannya beragama Hindu manakala agama Kristian dianuti oleh pelbagai kaum yang ada di Malaysia (Mohd Roslan, 2011; Mohd Arip & rakan-rakan, 2015). Namun begitu, kaum dan agama masyarakat majoriti (Melayu Islam) diberikan keutamaan dalam perlembagaan penubuhan negara ini, manakala kaum lain telah dianggap sebagai golongan minoriti walaupun mereka mendapat kewarganegaraan, kebebasan ekonomi dan budaya, dan hak-hak asas yang lain sebagai pertukaran untuk menerima aturan politik yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pihak British dan Raja-raja Melayu dahulu (Hamayotsu, 2015).

Kebanyakan sarjana berpandangan bahawa kaitan yang sangat rapat antara agama dan kaum ini boleh menjadi faktor kepada berlakunya krisis terutamanya dalam kalangan masyarakat. Lebih-lebih lagi apabila agama Islam turut menjadi simbol utama ke-Melayuan dalam kalangan masyarakat Melayu Islam apabila kepercayaan/keimanan seseorang itu tidak boleh dipisahkan daripada warisan etno-budaya Melayu (Abdul Aziz, 2001; Neo, 2006; Walters, 2007; Yang & Md Sidin, 2011; Yang & Md Sidin, 2012; Hamayotsu, 2015, Yang & Leong, 2017). Akrabnya hubungan Melayu dan Islam ini boleh diibaratkan seperti hubungan tradisi Judaeo-Kristian dengan bangsa-bangsa Eropah (Abdul Aziz, 2001). Keakraban ini boleh dicontohkan seperti kelayakan agama Kristian bermazhab Protestan yang wajib ada pada seorang waris takhta di Britain.

Walaupun sebelum ini kerajaan cuba untuk mengimbangi aspirasi yang berbeza antara agama dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang, namun ia sering dipengaruhi oleh kepentingan golongan “majoritarian” agama (Jha, 2009). Jha (2009) merujuk golongan “majoritarian” agama ini kepada golongan majoriti di negara ini iaitu Melayu Islam. Menurut Jha (2009), kebanyakan keistimewaan dan kelebihan diberikan kepada golongan Melayu Islam dan meminggirkan kaum-kaum

lain yang ada di Malaysia sehingga menjadi faktor kepada berlakunya krisis antara agama dan kaum. Selain polisi Bumiputera yang memberikan pelbagai keistimewaan kepada golongan Melayu, sebuah dasar yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kedua negara, Tun Abdul Razak Hussein iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah menyebabkan jurang yang makin meluas antara golongan Melayu dan kaum-kaum lain di Malaysia (Wang, 2001; Chang, 2002; Walters, 2007; Olivier, 2016; Yang & Leong, 2017). Jurang yang makin meluas berlaku apabila Islamisasi yang dipengaruhi oleh dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan Barisan Nasional dimanifestasikan dalam pelbagai cara sekaligus memberikan kelebihan kepada golongan Melayu Islam (Walters, 2007).

Selain itu, Osman (2013), Wong (2015) dan Ahmad Fauzi (2018) menjelaskan ketegangan antara agama semakin meningkat adalah disebabkan parti pemerintah terdahulu dikatakan cuba untuk mengalih perhatian pengundi mengenai kepincangan gabungan parti pemerintah BN yang telah kehilangan 2/3 undi majoriti bermula pada Pilihan Raya ke-12. UMNO dikatakan cuba mengukuhkan kuasanya dengan memainkan isu-isu agama untuk meraih undi golongan majoriti (Surain, 2011; Osman, 2013; Wong, 2015; Ahmad Fauzi, 2018). Bermula dengan dasar yang memihak kepada golongan Bumiputera untuk mengukuhkan cengkamannya melalui polarisasi perkauman, fokus UMNO berubah kepada isu-isu membabitkan agama untuk meraih sokongan pengundi majoriti. UMNO dikatakan menggunakan pertubuhan-pertubuhan yang kononnya bersifat nasionalis dan pejuang bangsa Melayu dan Islam seperti Perkasa, Jati dan Pembela untuk memainkan isu-isu yang melibatkan sensitiviti agama (Osman, 2013).

UMNO mengharapkan dengan memainkan isu-isu membabitkan kaum dan agama ini akan menjadikan parti tersebut sebagai parti yang kekal relevan dalam

mempertahankan dan memperjuangkan ketuanan Melayu Islam (Rashaad, 2016). Agama Islam telah dijadikan alat oleh pihak pemerintah untuk terus menguasai golongan bawahan dengan menjadikan agama sebagai modal politik untuk mendapatkan kuasa dan mengekalkan status quo (Neo, 2006; Aini Maznina & Nerawi, 2015; Wan Norshira, 2019). Dalam hal ini, akhbar turut digunakan untuk menyebarkan ideologi dan mesej yang memperlihatkan UMNO sebagai sebuah parti yang kononnya benar-benar memperjuangkan Islam dan perlu terus disokong oleh masyarakat majoriti Melayu Islam.

Sebelum ini, terdapat pelbagai krisis telah berlaku yang melibatkan kaum Melayu Islam dengan kaum lain. Antaranya rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei, 1969 antara kaum Cina dan Melayu, ketegangan antara kaum di Kampung Medan yang melibatkan kaum Melayu dan India pada tahun 2001, perarakan kepala lembu di Selangor dan meletakkan kepala khinzir dalam masjid di Kuala Lumpur (Rahimin, Mohd Anuar, Paizah, & Nor Hayati, 2011). Selain itu, negara Malaysia juga pernah mengalami ketegangan disebabkan pertikaian mengenai penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan penganut agama Kristian, serangan ke atas rumah-rumah ibadat dan operasi serbuan pihak berkuasa terhadap gereja (Yong & Md Sidin, 2010; Yang & Md Sidin, 2011; Yang & Md Sidin, 2012; Carmen, 2012; Yang & Leong, 2017).

Isu mengenai pelaksanaan undang-undang syariah jenayah Islam (hudud) juga adalah salah satu contoh isu yang melibatkan agama dan etnik di Malaysia dan telah berpanjangan sehingga kini. Isu ini bukan sahaja melibatkan masyarakat Melayu Islam tetapi juga melibatkan kaum dan agama lain di negara ini. Isu pelaksanaan hudud ini dikatakan boleh mendatangkan implikasi dari sudut perundangan kepada masyarakat bukan Muslim pada jangka masa yang panjang



(Wong, 2015). Sebelum ini, pada tahun 2015, kerajaan negeri Kelantan di bawah pentadbiran Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) untuk dilaksanakan ke atas orang Islam di negeri itu (Raziatul, 2015). Isu ini juga telah mendatangkan perdebatan yang meluas antara golongan Melayu Islam dan golongan bukan Islam di Malaysia.

Pelbagai isu lain juga telah timbul berkaitan dengan agama Islam dan ketegangannya dengan agama lain dalam konteks negara Malaysia seperti isu negara Islam, laungan azan, tanda halal pada makanan dan premis perniagaan, perebutan mayat saudara baru, perebutan hak penjagaan anak, orang bukan Islam membaca al-Quran, isu berjabat tangan berlainan jantina, penggunaan cukai untuk pembiayaan aktiviti agama Islam dan isu badan kehakiman shariah dan sivil (Khoo, 2007; Jennifer, 2011; Kate, 2015). Negara juga pernah dikejutkan dengan isu Lina Joy yang telah cuba untuk menukar status agamanya di kad pengenalan beliau selepas menukar agamanya dari agama Islam ke Kristian (Zawiyah & Mohammad Agus, 2012; Karmveer, 2013).

Selain itu juga, Jha (2009:890) menjelaskan berlakunya penegasan agama yang melampau di negara ini terutamanya terhadap golongan Hindu apabila amalan yoga telah diharamkan kerana dikatakan boleh menggugat akidah umat Islam. Pertubuhan Hindraf (*Hindu Rights Action Force*) juga telah diharamkan pertubuhannya oleh pihak kerajaan kerana dikatakan mempersoalkan tindakan kerajaan merobohkan kuil-kuil Hindu. Antara kuil tersebut adalah Sri Mariamman dan beberapa kuil lagi di Shah Alam pada 30 Oktober dan 15 November 2006 (Zawiyah & Mohammad Agus, 2012; Karmveer, 2013). Isu perebutan mayat dan hak penjagaan anak-anak yang melibatkan agama Islam dan Hindu juga menunjukkan

keputusan mahkamah hanya memihak kepada sebelah pihak sahaja iaitu sering kali memihak kepada agama Islam. Keadaan ini menyebabkan sesetengah pihak merasakan hak-hak mereka tidak diperjuangkan dan tidak mendapat keadilan yang sama rata (Jha, 2009: 891; Karmveer, 2013).

Jha (2009) juga menjelaskan bahawa proses Arabisasi (*Arabization*) yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia telah menyebabkan tindak balas diambil oleh golongan minoriti di Malaysia, contohnya dengan tertubuhnya pertubuhan seperti Hindraf dan MCCBCHST (Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao) untuk memperjuangkan hak-hak mereka. Jha (2009:893) menambah, sebelum ini negara Malaysia telah dikategorikan sebagai negara yang ditadbir oleh regim penindas yang responsif dengan memberi kelebihan dan keutamaan kepada kaum majoriti iaitu Melayu Islam.

Dalam perkembangan yang lebih terkini, selepas Pilihan Raya ke-14 yang lalu pada tahun 2018, ketegangan antara kaum dan agama masih berterusan berlaku dan timbulnya kebimbangan dalam kalangan masyarakat Melayu mengenai masa hadapan identiti mereka dan agama Islam (Mohd Anuar, Muhammad Izzul, Rahimin Affandi, Muhd Imran, Mohamad Naqib & Syamsul, 2018). Antara isu-isu sensitif yang telah berlaku pasca pilihan raya tersebut adalah isu kematian anggota bomba Muhammad Adib, cadangan pihak kerajaan untuk memperkenalkan pengajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular, isu video yang melibatkan bekas Menteri Perpaduan, P. Waytha Moorthy yang telah memburukkan Malaysia dan agama Islam di luar negara, isu pemakaian uniform pramugari dan pekerja wanita yang tidak mengikut syariat Islam dan mempertikaikan fungsi institusi Islam seperti JAKIM (Adnan, 2018; Shawaliah, 2019; Hilman, 2019). Anggota Bomba dan Penyelamat

Subang Jaya, Muhammad Adib diserang dan dipukul hingga meninggal dunia selepas pergaduhan membabitkan dua kumpulan berhubung isu pemindahan tapak kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Seafield, Subang Jaya. Isu ini menjadi isu yang besar apabila ia dikatakan sebagai isu melibatkan kaum selepas arwah Adib dikatakan tidak mendapat keadilan yang sewajarnya dari pihak kerajaan dan pihak kerajaan dikatakan cuba melindungi dalang sebenar pembunuh arwah Adib (Kronologi kes kematian Muhammad Adib, 2018).

Hal ini menunjukkan perbincangan mengenai ketegangan antara agama di Malaysia melibatkan pelbagai perkaitan yang kompleks dan wacana mengenai ketegangan antara agama ini adalah suatu topik yang sentiasa relevan untuk dibincangkan oleh akhbar dan masyarakat awam dan dikaji oleh sarjana. Oleh itu, berdasarkan hujah yang menyatakan bahawa pelaporan berita akhbar tidak beroperasi dalam kekosongan, malah mesej-mesej yang disampaikan sarat dengan ideologi tertentu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji wacana pemberitaan isu-isu kontroversi berkaitan Islam di Malaysia dan kaitannya dengan pelbagai faktor sosio politik dan ekonomi seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.

### **1.1.1 Sejarah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, Rusuhan 13 Mei, 1969 dan Dasar Ekonomi Baru**

Bagi memahami konteks wacana akhbar di Malaysia, perbincangan mengenai sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu itu sendiri sangat penting untuk difahami dan kaitannya dengan rusuhan yang berlaku pada 13 Mei, 1969 dan Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh parti pemerintah, Barisan Nasional. Secara amnya, negara Malaysia mewarisi sebuah masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama hasil peninggalan penjajah British. Penjajah British telah membawa

masuk secara besar-besaran pekerja-pekerja buruh dari China dan India bagi mengembangkan ekonomi mereka terutamanya dalam bidang perlombongan biji timah dan penorehan getah (Wang, 2001; Chew, 2003; Zaharom & Wang, 2004; Michelle, 2015).

Kemasukan pekerja-pekerja dari India dan China ini menyebabkan mereka membina komuniti mereka sendiri dan memutuskan untuk terus menetap di Tanah Melayu. Semasa penjajahan British, masyarakat Melayu, Cina dan India dipisahkan mengikut kaum dan etnik mereka dan strategi ini digelar sebagai “pecah dan perintah” (*divide and rule*). Orang Melayu lazimnya dilihat bekerja dalam bidang pertanian, orang Cina dalam perdagangan dan orang India pula dalam bidang perladangan. Kaedah ini menyebabkan berlakunya peningkatan jurang dan ketegangan antara kaum dan agama dan timbulnya persepsi negatif antara masyarakat yang menyukarkan proses penyatuan antara masyarakat (Haque, 2003; Zawawi, 2004). Haque (2003) turut menjelaskan dalam memudahkan lagi proses pemerintahan zaman kolonial ini, penjajah British telah bersepakat dengan Raja-raja Melayu pada ketika itu untuk membantu mereka memerintah terutamanya terhadap golongan Melayu pada ketika itu. Haque (2003) menjelaskan golongan Melayu pada dasarnya ditanam benih ketakutan oleh Rajah-Raja Melayu mengenai ancaman oleh golongan bukan Melayu. Hal ini menyebabkan Raja-raja Melayu dilihat berperanan sebagai “pelindung” kepada kepentingan dan hak golongan Melayu pada ketika itu.

Seterusnya, pada tahun 1946, satu model kebangsaan yang dikenali sebagai Malayan Union telah diperkenal oleh pihak British namun dilihat tidak menjamin sebarang hak keistimewaan kepada orang Melayu. Pada tahun yang sama juga, bermulanya pembentukan parti UMNO sebagai organisasi politik yang menolak konsep Malayan Union (Haque, 2003; Zawawi, 2004). UMNO pada ketika itu

menentang sebarang peruntukan yang mengiktiraf golongan bukan Melayu dan hak-hak mereka di Tanah Melayu yang dilihat mengorbankan hak-hak golongan Melayu Islam. Hal ini menyebabkan model Malayan Union ini diganti dengan Persekutuan Malaya (*Federation of Malaya*) yang hanya memberikan taraf kewarganegaraan yang terhad kepada orang bukan Melayu. Haque (2003) menjelaskan model kewarganegaraan berdasarkan etnik ini sebenarnya adalah rancangan parti UMNO yang memberikan pelbagai kesan kepada pembentukan Perlembagaan 1957 yang turut membentuk dasar negara sehingga sekarang. Ia dilihat memberi pelbagai kelebihan kepada golongan Melayu Islam dalam beberapa hal penting seperti hal-hal yang melibatkan agama Islam, pendidikan, perniagaan, perkhidmatan awam dan Raja-raja Melayu.

Selain itu, dominasi oleh golongan Melayu turut berlaku dalam politik Malaysia. Haque (2003) dan Zawawi (2004) turut menjelaskan bagi meneruskan dominasi ini terhadap masyarakat majmuk, UMNO turut bekerjasama dengan parti MCA yang mewakili masyarakat Cina dan parti MIC yang mewakili masyarakat India. Ketiga-tiga parti berasaskan etnik utama ini membentuk gabungan yang dikenali sebagai Perikatan, yang memenangi Pilihan Raya Persekutuan pertama pada tahun 1955 lalu membentuk kerajaan pada tahun 1957. Kemudiannya, parti Perikatan ini menggabungkan parti-parti lain dari Sabah dan Sarawak selepas terbentuknya negara Malaysia pada tahun 1963 untuk mengembangkan gabungan itu, yang kini dikenali sebagai Barisan Nasional. Haque (2003) turut menyatakan parti Perikatan ini didasarkan kepada perundingan atau kesepakatan rahsia secara tidak rasmi antara para pemimpin tertinggi UMNO, MCA, dan MIC dari segi perkongsian kuasa. Kuasa politik diserahkan kepada orang Melayu manakala kuasa ekonomi diserahkan kepada orang bukan Melayu. Maka, hal ini juga menunjukkan bahawa Perikatan yang

tertubuh ini harus difahami dari segi “pertukaran hak dan faedah” antara orang Melayu dan orang bukan Melayu. Orang bukan Melayu diberi jaminan kewarganegaraan dan peranan politik yang terhad sebagai “pertukaran” bagi penerimaan mereka terhadap hak istimewa orang Melayu dalam agama Islam, politik, pendidikan, bahasa dan kuasa Raja-raja Melayu.

Kemudiannya, selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Namun, Wang (2001) menjelaskan terdapat kepercayaan yang meluas bahawa terdapat situasi ketidaksamaan yang semakin meningkat dalam kalangan pelbagai etnik pada ketika itu. Masyarakat Melayu dilihat hanya terbatas di kawasan luar bandar, sedangkan masyarakat Cina menguasai bandar-bandar dan juga ekonomi. Penguasaan ekonomi oleh masyarakat Cina ini dilihat sebagai penyebab utama kemunduran ekonomi masyarakat Melayu. Sementara itu pula, masyarakat Cina melihat orang Melayu sebagai mereka yang memegang tampuk politik negara, menguasai perkhidmatan awam dan berada dalam kedudukan yang penting untuk menyokong dasar-dasar yang mendiskriminasi masyarakat Cina. Persepsi yang buruk antara kedua-dua komuniti ini berasal dari strategi “pecah dan perintah” oleh penjajah British seperti yang telah disebut sebelum ini, peluang perniagaan dibuka untuk elit kapitalis Cina dan pada masa yang sama kelas atasan orang Melayu dimasukkan ke dalam perkhidmatan awam.

Ketegangan yang berlaku antara etnik ini berlarutan sehinggalah berlakunya rusuhan atau lebih dikenali sebagai “Rusuhan 13 Mei, 1969” yang sentiasa akan diingati dalam sejarah hitam negara. Menurut Chew (2003), Zaharom dan Wang (2004) dan Michelle (2015), semuanya bermula ketika beribu-ribu masyarakat Cina merayakan kemenangan besar mereka dalam pilihan raya dengan mengadakan

perarakan di Kuala Lumpur di kawasan majoriti orang Melayu sambil melontarkan kata-kata kasar dan mengejek masyarakat Melayu. Parti DAP dan Gerakan yang mewakili masyarakat Cina telah memenangi banyak kerusi di Selangor pada pilihan raya tersebut. Tercabar dengan tindakan itu, Pemuda UMNO mula melakukan perarakan pada 13 Mei dan kemudiannya ia berakhir dengan pergaduhan yang besar sehingga menjadikan jumlah kematian hampir 200 orang.

Hal ini menyebabkan Agong kemudiannya memerintahkan keadaan “darurat” pada keesokan harinya bersama dengan beberapa langkah keselamatan. Parlimen dibubarkan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengambil alih Malaysia selama 18 bulan berikutnya yang dibentuk di bawah kepimpinan Timbalan Perdana Menteri Abdul Razak Hussein. Zaharom dan Wang (2004) menjelaskan MKN turut memutuskan untuk meminda Ordinan Hasutan (1948) untuk membatasi kebebasan bersuara dan akhbar terutama ketika menyentuh isu-isu sensitif seperti kedudukan istimewa, kuasa, status dan agama Islam masyarakat Melayu demi menjaga keharmonian antara etnik. Pihak pemerintah kemudiannya memperkenalkan Akta Hasutan (1970) setahun selepas rusuhan itu berlaku.

Kemudiannya, Wang (2001) menjelaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan untuk mengesahkan hubungan antara etnik melalui dua objektif serampangnya iaitu mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan tahap pendapatan seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa. Keduaanya, mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi sehingga dapat mengurangkan dan akhirnya menghilangkan identifikasi etnik dengan fungsi ekonomi. Namun begitu, DEB ini dilihat hanya “memperkayakan” masyarakat Melayu dan mengabaikan etnik-etnik lain dalam mengaplikasikan dasar ekonomi ini sekaligus menimbulkan

persoalan siapa sebenarnya yang mendapat faedah daripada polisi kerajaan ini. Chew (2003) menyatakan sarjana dalam membincangkan mengenai hal ini, melihat parti UMNO semakin menunjukkan sifat “ke-Melayuannya”, yang menyediakan peluang yang lebih besar khusus kepada masyarakat Melayu terutamanya dalam perniagaan, pendidikan dan pekerjaan dalam perkhidmatan awam.

Shafizan dan Tengku (2018) menyatakan sarjana-sarjana ekonomi melihat DEB telah berjaya memberikan faedah yang banyak kepada masyarakat Melayu terutamanya yang melibatkan kuota masyarakat Melayu dalam sistem pendidikan negara dan peglibatan masyarakat Melayu dalam sektor ekonomi. Generasi baru Melayu yang menetap di bandar, berpendidikan, terlibat dengan keusahawanan mula menguasai ekonomi negara. Kelas menengah (*middle class*) yang dikenali sebagai “Melayu baru” ini dihasilkan secara aktif oleh negara dan dipromosikan sebagai kelas orang Melayu moden, rajin dan yang mempunyai daya membeli yang luar biasa (*purchasing power*) sekaligus mendedahkan masyarakat Melayu kepada perkembangan yang berlaku di luar negara. Bahagian seterusnya akan membincangkan pula bagaimana perkembangan DEB ini membawa kepada proses Islamisasi di Malaysia.

### **1.1.2 Islamisasi di Malaysia**

Perbincangan mengenai hubungan antara agama dan etnik di Malaysia juga perlu dilihat dari sudut konteks sejarah bagaimana proses Islamisasi itu mula berlaku di Malaysia. Negara Malaysia yang sebelum ini telah mengamalkan satu bentuk toleransi Islam dan keharmonian kaum, telah merasakan kesan kebangkitan Islam di Iran, Afghanistan, dan Sudan pada lewat tahun 1970-an (Neo, 2006; Jha, 2009; Shafizan & Tengku, 2018). Sebelum itu juga, bibit-bibit kebangkitan ini dapat dilihat



hasil pengaruh perjuangan kumpulan Ikhwanul Muslimin di Timur Tengah dan penyebaran meluas tulisan-tulisan pemikir Islam seperti Hassan Al-Banna, Sayyid Qutb dan Sayyid Abul A'la Mawdudi (Zaki, 2010). Selepas itu, lahirlah pertubuhan-pertubuhan Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) dan Pertubuhan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) yang didokongi golongan muda dan pernah dipimpin oleh bekas Timbalan Perdana Menteri semasa pemerintahan Tun Dr. Mahathir dari tahun 1993-1998, Datuk Seri Anwar Ibrahim (Zaki, 2010).

Berikutan perkembangan tersebut, Islam telah menjadi semakin menonjol dalam sfera awam di Malaysia (Neo, 2006:95; Shafizan & Tengku, 2018). Wacana Islam semakin menonjol kerana berlakunya pertembungan antara parti PAS yang matlamat utamanya untuk memperjuangkan Islam dan kerajaan Persekutuan yang berada bawah kepimpinan kerajaan UMNO. Parti UMNO bertindak balas dengan memperkenalkan dasar-dasar dan polisi-polisi pemerintahan berunsurkan Islam untuk menentang versi perjuangan Islam yang dibawa oleh PAS. Tindak balas ini diambil untuk mengekalkan sokongan orang Melayu dan menunjukkan peranan UMNO sebagai pejuang kaum Melayu (Neo, 2006; Osman, 2013; Shafizan & Tengku, 2018). Lantas, proses Islamisasi ini dilihat sebagai tidak lebih dari usaha UMNO untuk mengekang pengaruh PAS dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Akibat daripada pertandingan “siapa yang lebih Islamik” antara UMNO dan PAS ini, pelbagai polemik dan polisi agama diketengahkan tanpa mengambil kira pandangan dan reaksi masyarakat bukan Islam di Malaysia (Neo, 2006; Zaki, 2010; Osman, 2013; Rashaad, 2016). Proses Islamisasi ini telah berlaku secara sah dan berstruktur dan meresap ke dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat (Shafinaz dan Tengku, 2018). Islam bukan sahaja lagi hanya sekadar agama, tetapi ia telah menjadi sebuah institusi.

Tun Mahathir Mohamad semasa zaman pemerintahan kali pertamanya dari 1981 sehingga 2003 sering menggunakan agama bagi meningkatkan kedudukannya dalam kerajaan dan memperkasakan sayap eksekutif dan agama menjadi senjata utama untuk kelangsungan parti politik yang berteraskan perjuangan Islam dan Melayu (Jha, 2009: 891). Menurut Martinez (2001), Islamisasi yang berlaku di Malaysia adalah satu strategi yang ampuh yang disasarkan kepada masyarakat Melayu Islam untuk terus mempertahankan sokongan orang Melayu Islam kepada pihak pemerintah. Namun, Jha (2009) menjelaskan pemerintahan yang menggunakan dasar dan polisi yang berteraskan Islam adalah tidak sesuai dalam jangka masa yang panjang untuk negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Polisi dan dasar Islam yang dibawa oleh Malaysia dikatakan sebagai terlalu dikawal oleh pihak kerajaan sehinggakan mendatangkan masalah kepada amalan demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Agama yang dikawal selia oleh kerajaan menjadi senjata ampuh di tangan kumpulan pendesak agama dan parti-parti tertentu untuk mengenakan tekanan kepada kumpulan-kumpulan tertentu sekaligus menimbulkan perdebatan berkaitan dengan isu-isu seperti penukaran agama, hak-hak beragama dan murtad yang semakin sukar untuk diselesaikan.

Langkah yang diambil ini merisaukan golongan bukan Melayu Islam di Malaysia kerana dorongan ke arah proses Islamisasi ini mengkhianati komitmen kerajaan untuk menerapkan polisi dan dasar yang bersifat kepelbagaian budaya dan etnik sebagai sebahagian daripada yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia (Neo, 2006:95; Abdull Rahman, Kamaruddin, Ahmad Sunawari & Faudzinaim, 2009). Kerisauan dan kebimbangan mengenai proses Islamisasi ini turut diakui sendiri oleh pihak gereja yang menyatakan proses Islamisasi yang berlaku bukan setakat mencabar Perlembagaan Malaysia yang memberikan kebebasan beragama

kepada rakyat, malah masa depan amalan budaya serta cara hidup masyarakat bukan Islam di negara ini semakin terhakis ekoran tindakan-tindakan yang berasaskan politik untuk meraih sokongan masyarakat majoriti Melayu Islam. Fenomena Islamisasi ini menyebabkan penganut-penganut agama lain berasa terancam dan tidak tahu apakah nasib masa depan agama serta budaya mereka (Walters, 2007; Abdull Rahman dan rakan-rakan, 2009; Olivier, 2016).

Tambah Rashaad (2016) pula, sentimen kebencian kepada Islam dan Melayu semakin meningkat dalam kalangan masyarakat bukan Melayu Islam di Malaysia. Rashaad (2016:10) menjelaskan terdapatnya perbezaan konteks Islamophobia yang berlaku di negara Eropah dan Malaysia. Islamophobia di Eropah berlaku apabila masyarakat Eropah melihat Islam sebagai ancaman dari pelbagai bentuk sama ada keganasan, mendatangkan kekacauan kepada keharmonian negara dan mengganggu adat/budaya yang sedia ada. Konteks Islamophobia di Malaysia pula berlainan apabila penduduknya majoriti adalah Melayu Islam dan ia dikatakan berlaku hasil dari pergelutan antara parti-parti politik demi kelangsungan politiknya di Malaysia. Maka polisi-polisi yang dibuat oleh pihak pemerintah adalah pro-Melayu Islam dan masyarakatnya yang dipisahkan mengikut etnik dan agama.

Sepanjang tahun 1980-an dan 1990-an, pentadbiran Mahathir telah melaksanakan pelbagai dasar inisiatif yang menggalakkan lagi proses Islamisasi di Malaysia. Beberapa institusi utama yang mempunyai kaitan dengan Islam telah ditubuhkan seperti perbankan Islam, Pusat Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Rancangan radio dan televisyen yang mempromosikan Islam juga telah berkembang dengan pesat di bawah pentadbiran Mahathir (Jha, 2009; Zaki, 2010; Ahmad Fauzi & Muhamad Takiyuddin, 2014; Chin & Welsh, 2014). Pada tahun 1988, perubahan yang paling

ketara dilakukan Mahathir dalam pendekatan Islamisasinya adalah dengan meluluskan pindaan kepada Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, yang telah menghilangkan bidang kuasa mahkamah sivil ke atas perkara-perkara yang melibatkan agama Islam dengan menyemak semula sistem undang-undang yang sedia untuk menjadikannya “lebih Islamik”. Pindaan ini seterusnya telah mewujudkan dua bidang kuasa antara mahkamah sivil dan mahkamah jenayah syariah (Tew, 2011). Kesan dari wujudnya dua bidang kuasa ini menyebabkan kes-kes yang melibatkan agama Islam dan Melayu ini telah menjadi begitu kompleks dan sering kali menimbulkan kekeliruan dalam mencapai keputusan yang diinginkan (Tew, 2011).

Proses Islamisasi dalam institusi perbankan dan institusi pengajian tinggi tidak banyak mengundang masalah namun menjadi kontroversi adalah apabila ianya menyusup ke sektor awam terutamanya dalam sistem pendidikan kebangsaan. Lebih menyulitkan lagi apabila proses ini dianggap berselindung di sebalik agenda politik untuk menarik undi and sokongan pengundi-pengundi Melayu (Zaki, 2010). Menurut Zaki (2010) lagi, di sekolah-sekolah kebangsaan, pendidikan agama Islam diberi lebih penekanan apabila bacaan doa dilakukan setiap hari dan ceramah agama semasa perhimpunan mingguan diperkenalkan di sekolah-sekolah. Adakalanya, majlis sambutan perayaan agama seperti Ma'al Hijrah dan Maulidur-Rasul juga diadakan semasa perhimpunan mingguan sehinggakan semua pelajar termasuk bukan Islam turut serta dalam program-program tersebut.

Hal ini menunjukkan proses Islamisasi ini mendatangkan kesan yang negatif terhadap perhubungan antara masyarakat yang berbilang agama di Malaysia. Walaupun tidak dapat dinafikan pihak pemerintah berjaya mengekang pemikiran radikal Islam yang bersifat ekstrim seperti Al-Maunah dan mengambil pendekatan

Islam yang moderasi dalam membina masyarakat majmuk yang harmoni (Walters, 2007, Wan Norshira, 2014), masyarakat bukan Islam tetap merasakan diri mereka dianayai dan pihak pemerintah dilihat memanipulasikan agama untuk mengekalkan kuasa dan status quo mereka melalui proses Islamsisasi ini. Osman (2017) menjelaskan Islamisasi ini menyebabkan Malaysia telah menuju ke arah yang lebih konservatif dan pro kepada pihak pemerintah yang membolehkan pihak pemerintah untuk membuat dan mengawal ekspresi mengenai Islam dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia.

### **1.1.3 Malaysia negara Islam**

Pertikaian mengenai sama ada Malaysia adalah sebuah negara Islam atau tidak juga telah menjadi isu yang lama diperdebatkan. Malah sejarah dan konteks mengenai perdebatan ini juga amat penting untuk difahami dalam membincangkan mengenai agama Islam di Malaysia. Pada tahun 2001, Mahathir telah mengisytiharkan bahawa Malaysia sudah menjadi negara Islam kerana ia mempunyai penduduk Islam yang dominan (Neo, 2006; Walters, 2007; Ahmad Fauzi, 2018). Mahathir telah menyatakan bahawa negara Malaysia adalah sebuah negara Islam berdasarkan tafsiran ulamak dan sarjana Islam mengenai model sebuah negara Islam. Tambah Mahathir, walaupun UMNO menyatakan Malaysia ada sebuah negara Islam, masyarakat bukan Melayu dan Muslim tetap boleh mengamalkan hak-hak mereka di Malaysia (Thomas, 2005).

Menurut Sheriden dan Grover (1979 dalam Nazri & Ahmad, 2012), peruntukan mengenai agama Islam adalah bertujuan untuk memberikan negara ini sifat dan ciri Muslim yang umumnya bersifat luaran dan bertujuan untuk upacara rasmi negara. Pendapat ini turut dipersetujui oleh bekas Ketua Hakim Malaya, Tun

Mohamed Suffian Hashim yang menjelaskan maksud peruntukan tersebut adalah semata-mata untuk upacara seperti membolehkan doa dibaca di upacara rasmi semasa pertabalan Yang di-Pertuan Agong, hari kemerdekaan Malaysia dan lain-lain (Nazri & Ahmad, 2012: 117).

Namun, terdapat juga definisi yang berbeza yang cuba diberikan tentang kedudukan Islam. Tafsiran yang diberikan oleh bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Hashim Yeop Sani (1973 dalam Nazri & Ahmad, 2012:17) yang menjelaskan bahawa Perkara 3 itu sangat jelas dan menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Maka, Tan Sri Hashim berpandangan mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan antara dokumen ciptaan manusia yang merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan dengan perintah Allah yang berpaksikan al-Quran dan Sunnah, maka tafsiran itu tidak boleh dipakai. Malah, Malaysia telah diiktiraf sebagai sebuah negara Islam mengikut syarat-syarat minimum sebagaimana yang telah dijelaskan oleh para ulama (Mohd Izhar & Alias, 2010; Nazri, 2018). Menurut Nazri (2018), ciri-ciri minimum yang perlu ada di dalam sebuah negara Islam adalah seperti berikut:

- i. Negara itu haruslah didiami oleh majoriti umat Islam.
- ii. Ketua negara dan timbalannya haruslah beragama Islam.
- iii. Pentadbiran negara harus dikuasai oleh umat Islam.
- iv. Syariat Islam bebas dilaksanakan oleh umat Islam dengan penuh keamanan.
- v. Umat Islam berasa aman sejahtera bila berada di dalam negara terbabit.

Namun jika dirujuk kepada Laporan Suruhanjaya Reid, Suruhanjaya tersebut telah menolak cadangan memasukkan peruntukan mengenai Islam sebagai agama Persekutuan kerana atas permintaan Raja-raja Melayu yang bimbang kuasa mereka terhadap ketua agama Islam di negeri masing-masing terjejas (Fernando, 2006; Nazri

& Ahmad, 2012: 117). Walaupun memorandum Perikatan mahu menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan, namun memorandum tersebut juga menjelaskan bahawa peruntukan ini tidak akan mengubah Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebuah negara sekular (Fernando, 2006; Nazri & Ahmad, 2012: 117). Cadangan yang dibuat oleh Perikatan ini ternyata untuk mengekalkan perpaduan kaum dalam kalangan Perikatan yang terdiri dari parti MCA dan MIC. Fernando (2006) juga menyatakan pemimpin-pemimpin Perikatan jelas tidak mempunyai sebarang keinginan untuk menubuhkan sebuah negara teokratik atau neo-teokratik.

Thomas (2005) dalam kajiannya mengenai perundangan dan Perlembagaan Malaysia turut menyimpulkan bahawa ungkapan “Islam adalah agama Persekutuan” dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan tidak bermakna bahawa Islam adalah agama negara Malaysia. Sebaliknya, semua pihak termasuk British, Perikatan, Raja-raja Melayu dan majoriti dalam Suruhanjaya Reid dan khususnya, Tunku Abdul Rahman, dengan jelas mengaku bahawa Malaya adalah negara sekular. Thomas (2005) turut menyimpulkan bahawa kebanyakan pengulas dan sarjana yang melakukan kajian mengenai Perlembagaan Malaysia mempunyai pendapat yang sama bahawa Perkara 3 dalam Perlembagaan Malaysia mempunyai erti dan skop yang terhad dan tidak bermaksud Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Malah sebelum pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, negeri Sabah, Sarawak dan Singapura menegaskan bahawa Islam tidak akan menjadi agama Persekutuan yang baru.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa negara Malaysia tidak boleh dikatakan sebagai sebuah negara Islam yang sepenuhnya dan Malaysia juga tidak boleh dikatakan sebuah negara sekular secara sepenuhnya. Tafsiran mengenai sama ada Malaysia adalah sebuah negara Islam atau tidak bergantung kepada bagaimana

seseorang itu menafsir mengenai Perlembagaan Persekutuan. Namun, walaupun Malaysia tidak boleh dikategorikan sebagai sebuah negara Islam secara sepenuhnya, perlu diakui bahawa elemen agama Islam itu diberikan keistimewaan dalam Perlembagaan Malaysia (Abdul Aziz, 2001; Nazri, 2018). Antaranya Perkara 3 (1) yang menyatakan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan dan Perkara 11 (4) yang menyekat penyebaran agama lain selain Islam kepada penganut Islam.

Nazri dan Ahmad (2012) menjelaskan Perkara 12 (2) dalam Perlembagaan Malaysia yang membenarkan penggunaan wang awam untuk tujuan agama melalui institusi-institusi dan jawatan dalam perkhidmatan seperti JAKIM dan mufti di setiap negeri menunjukkan bahawa agama Islam diberi keistimewaan yang lebih dalam Perlembagaan Malaysia. Nazri dan Ahmad (2012) turut menjelaskan bahawa Islam dalam Perlembagaan Persekutuan bukan sahaja hanya terkandung dalam Perkara 3, tetapi ia juga harus dibaca bersama dengan Perkara 8, 11, 12, 121, 150 dan kedudukan Yang di Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam. Kesemua ini menunjukkan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan mempunyai keistimewaan berbanding agama lain. Walaupun Islam diberikan keistimewaan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan, hak-hak masyarakat bukan Islam masih terpelihara dan mereka bebas untuk mengamalkan agama, budaya dan bahasa masing-masing.

#### **1.1.4 Islam Hadhari**

Selepas zaman pemerintahan Tun Mahathir, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri kelima, tidak cuba menangani persoalan Islamisasi ini, tetapi cuba menjadikannya ciri utama pentadbirannya (Ahmad Fauzi & Muhamad Takiyuddin, 2014; Chin & Welsh, 2014). Pada tahun 2004, Abdullah Badawi yang telah mengambil alih sebagai Perdana Menteri ke-4 pada 31 Oktober, 2003 telah



mengisytiharkan dasar Islam Hadhari dalam pemerintahannya (Sivamurugan, Abd. Rahim, Azrina & Chua, 2006). Malah konsep Islam Hadhari telah dijadikan manifesto Barisan Nasional dalam menghadapi Pilihanraya ke-11 pada tahun 2004 dan beliau telah memenangi Pilihan Raya ke-11 pada tahun tersebut dengan majoriti 2/3 (Sivamurugan & rakan-rakan, 2006:138; Mohd Roslan, 2011).

Beliau cuba menjarakkan diri dari versi Islam yang dipromosikan semasa era Mahathir sebagai sebahagian persaingan politik antara UMNO dan PAS kepada konsep yang lebih besar (Ahmad Fauzi & Muhamad Takiyuddin, 2014; Chin & Welsh, 2014). Islam Hadhari mempunyai 10 prinsip utama termasuk keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, kerajaan adil dan beramanah, rakyat berjiwa merdeka, penguasaan ilmu pengetahuan, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, kehidupan berkualiti, pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita, keutuhan budaya dan moral, pemeliharaan alam semula jadi dan kekuatan pertahanan. Ia cuba meliputi semua aspek kehidupan dan menjelaskan keyakinan sebagai lengkap, sederhana, inklusif dan berorientasikan manusia. Malah ia dipanjangkan kepada masyarakat bukan Islam (Ahmad Fauzi & Muhamad Takiyuddin, 2014; Chin & Welsh, 2014).

Chin dan Welsh (2014) menyatakan Abdullah memilih untuk menggunakan agama (Islam dalam konteks ini) bagi menjelaskan idea terasnya mengenai urusan tadbir kerajaan yang baik. Namun begitu, beliau membawa bersama banyak kesukaran dalam hal agama yang diwarisinya dari zaman pemerintahan Mahathir apabila Islam Hadhari yang abstrak dan sangat luas telah meningkatkan lagi perdebatan mengenai agama (Chin & Welsh, 2014). Salah satu kesannya adalah berlakunya peningkatan perbincangan mengenai agama Islam. Apakah kedudukan sebenar Islam? Bagaimanakah ia terkait dengan kuasa orang Melayu? Apakah hak-